

BERSIWAK MENURUT SUNNAH NABAWIYYAH SATU SOROTAN

ABDUL AZIS BIN AWANG KECHIK

WAN FAKHRULRAZI BIN WAN MUHAMMAD

MOHD ZAFFI BIN ALIAS

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Bangi, Selangor.

abdulazis@kuis.edu.my

wanfakhrulrazi@kuis.edu.my

ashabulkahfi50@gmail.com

ABSTRAK

Dewasa ini amalan bersiwak dikalangan ummat Islam semakin berkurangan. kerana merasakan amalan ini suda ketinggalan zaman. Selain itu, tidak hairan juga ada dikalangan umat Islam pada hari ini langsung tidak tahu mengenai kelebihan dan fadhilat amalan bersiwak yang menjadi amalan junjungan mulia baginda Nabi Muhammad s.a.w. Penulis telah menjalankan satu kajian dan mengupas berkenaan dengan amalan bersiwak menurut hadith dan mengkaitkannya dengan kajian saintifik. kajian ini dijalankan secara analisis kandungan analisis tematik dengan mengumpulkan hadith-hadith yang sahih dan menghuraikannya dengan melihat pandangan ulama dari kajian tersebut. Hasil kajian menunjukkan kelebihan bersugi dari sudut kesihatan tubuh badan dan kecerdikan mental serta kebaikan pada usus manusia. Nabi Muhammad s.a.w pernah menegaskan, bahawa bersugi itu sebahagian daripada iman.

Keyword: Saintifik, Bersiwak, hadith, Sunnah

1.0 PENGENALAN

Kebelakangan ini manusia mula mengubah corak kehidupan. Pengubahan yang turut membawa pelbagai unsur negatif ini juga berlaku di kalangan umat Islam. Masalah ini semakin meruncing apabila umat Islam jauh daripada kehidupan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. kerana terlalu hanyut dengan arus kemodenan. Gaya hidup segelintir umat Islam sekarang kebanyakannya mempamerkan kemegahan, kekayaan, pangkat, kebebasan dan sebagainya lantas menjadi kebiasaan dalam kehidupan mereka. Apa yang menyedihkan, cara hidup gaya barat menjadi ikutan dalam pelbagai sudut kehidupan seharian. Kemodenan dan kemajuan teknologi maklumat pada hari ini seperti internet, e-mail dan melalui laman-laman web tertentu sedikit sebanyak turut menjadi penyumbang kepada penyelewengan dan menjadi penyebab berlakunya permasalahan ini.

Apa yang berlaku ini telah menimbulkan kebimbangan yang mendalam terhadap para alim ulama dan berasa khuatir terhadap senario yang sedang berlaku. Kajian-kajian ilmiah perlu dijalankan bagi mendalami masalah yang sedang melanda dan berusaha menonjolkan jalan penyelesaiannya menurut landasan Islam. Atas dasar inilah, kajian berkenaan bersiwak menurut sunnah dilakukan.

Topik ini dipilih kerana ia amat bersesuaian dengan masalah penggunaan siwak yang jarang sekali kita dapat lihat penggunaannya dalam kalangan umat Islam. Ini bagi menjelaskan Islam amat mengambil berat mengenai amalan sunnah Nabi s.a.w. khususnya dalam bab bersiwak. Bersiwak bukan sahaja untuk membersihkan gigi bahkan ia juga mempunyai kelebihan dan manfaat yang begitu banyak. Selain itu juga, ia menjadi tuntutan agama yang perlu diterapkan dalam kehidupan seharian kita.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa faktor yang mendorong penulis menjalankan kajian ilmiah ini. Diantaranya ialah seperti berikut:

- 2.1 Menjelaskan pandangan Islam tentang amalan sunnah Nabi Muhammad s.a.w yang mulia terutama dalam bab bersiwak yang semakin jauh daripada kehidupan umat Islam pada hari ini.
- 2.2 Untuk mengetahui rahsia-rahsia dan mukjizat dalam bersiwak yang menjadi amalan junjungan kita yang mulia Nabi Muhammad s.a.w.
- 2.3 Untuk mengupas manfaat bersiwak dalam perubatan serta kesihatan secara umumnya.
- 2.4 Untuk mengetahui petunjuk Islam dalam bersiwak berlandaskan syariat agama Islam.
- 2.5 Menimbulkan minat umat Islam terhadap amalan sunnah baginda Nabi Muhammad s.a.w yang boleh membawa kepada kebaikan dunia dan akhirat.

3.0 DEFINISI SIWAK

Secara bahasa siwak bermakna “kecenderungan” dan “gerakan”. Imam al-Nawawi berkata : “siwak menurut bahasa digunakan untuk menunjukkan perbuatan bersiwak atau alat untuk bersiwak”. Di samping itu, siwak juga bermakna menggosok. Makna ini lebih menjurus pada maksud sebatang kayu yang digunakan untuk menggosok gigi dengan tujuan menghilangkan warna kuning pada permukaan gigi.

Dari sudut istilah, siwak bermakna penggunaan potongan kayu atau sejenisnya untuk menggosok gigi dengan tujuan menghilangkan kekuningan dan sisa-sisa makanan yang ada pada mulut.

Bersiwak juga boleh dilakukan dengan apa-apa objek asalkan benda itu kesat dan boleh menghilangkan sisa makanan seerta warna kuning yang muncul di permukaan gigi. Ia juga boleh menghilangkan bau yang tidak sedap dari mulut, seperti dahan pokok Neem dan sebagainya. Dan dimakruhkan menggunakan pokok yang tidak dikenali dengan tujuan menjauhi kemudaratan, seperti pokok yang mengandungi zat racun dan selainnya. Imam al-Nawawi berkata “dianjurkan bersiwak dengan pokok arak atau benda yang lain juga boleh digunakan untuk bersiwak, serta boleh menghilangkan kotoran di mulut, seperti sehelai kain kesat, rumput lalang dan pokok asy-nan”.¹

¹ Hasan bin Ahmad Hasan Humam. 2009. *Berubat Dengan Siwak*. Cetakan pertama. Kuala Lumpur. Al-Hidayah Publication. Hlm. 9-10.

4.0 HADIS-HADIS BERKAITAN BERSIWAK

Dalam bahagian ini, penulis akan menjelaskan berkenaan dengan hadis-hadis berkaitan bersiwak sebagai satu petunjuk dalam usaha menarik minat umat Islam khususnya dalam mengamalkan sunnah baginda Nabi s.a.w. Penulis akan membahagikan hadith-hadith bersiwak tersebut agar kelihatan lebih teratur serta lebih mudah untuk difahami.

4.1 Kitab Sahih al-Bukhari

Abu Burdah r.a menyampaikan cerita dari bapanya katanya:

عن أبي موسى الأشعري رضي الله عنه قال : أتيتُ رسول الله صلى الله عليه وسلم وهو يَسْتَنْ بِسِوَاكٍ بِيَدِهِ ، ويقول : أُعْ أُعْ ، والسواك في فيه ، كأنه يَتَهَوَّعُ .

Maksudnya: Aku datang bertemu dengan Nabi s.a.w dan aku lihat beliau bersiwak dengan tangannya berbunyi uuk.. uuk.. sedang siwak itu di mulutnya seolah-olah beliau mahu memuntahkan sesuatu.²

Daripada Hudzaifah r.a, dia berkata:

عَنْ حُذَيْفَةَ ، قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِذَا قَامَ مِنَ اللَّيْلِ يَشُورُ فَاهُ بِالسَّوَاكِ

Maksudnya: Adalah Nabi s.a.w apabila bangun dari tidur di waktu malam beliau terus menggosok mulutnya dengan siwak.³

4.2 Kitab Sahih Muslim

Dari Abu Hurairah r.a katanya: Bersabda Rasulullah s.a.w :

عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدِ الْجُهَنِيِّ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : لَوْلَا أَنَّ أَشُقَّ عَلَى أُمَّتِي لِأَمْرَتِهِمْ بِالسَّوَاكِ عِنْدَ كُلِّ صَلَاةٍ .

Maksudnya: Jikalau tidaklah memberatkan keatas umatku, nescaya aku suruh mereka membersihkan gigi pada setiap kali sembahyang.⁴

4.3 Kitab Sunan al-Tirmizi

Dari Zaid bin Khalid al-Juhani berkata: Saya mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:

² Al-Bukhari. 1422H. *Sahih al-Bukhari*. Cetakan Pertama. Dar Tuq al-Najah. No. Hadith 244.

³ *Ibid*. No. Hadith 245.

⁴ Muslim bin al-Hajjaj. t.t.. *Sahih Muslim*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. No. Hadith 252.

عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدِ الْجُهَنِيِّ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: لَوْلَا أَنْ أَشُقَّ عَلَى أُمَّتِي لِأَمْرَتِهِمْ بِالسَّوَاكِ عِنْدَ كُلِّ صَلَاةٍ وَلَا خَرْتُ صَلَاةَ الْعِشَاءِ إِلَى ثُلُثِ اللَّيْلِ. قَالَ فَكَانَ زَيْدُ بْنُ خَالِدٍ يَشْهَدُ الصَّلَاةَ فِي الْمَسْجِدِ وَسِوَاكُهُ عَلَى أُذُنِهِ مَوْضِعَ الْقَلَمِ مِنْ أُذُنِ الْكَاتِبِ لَا يَقُومُ إِلَى الصَّلَاةِ إِلَّا اسْتَنَّ ثُمَّ رَدَّهُ إِلَى مَوْضِعِهِ

Maksudnya: Seandainya tidak kerana aku menyulitkan umatku nescaya aku memerintahkan mereka untuk siwak (bersugi) pada setiap solat dan saya akhikan solat isya' sampai sepertiga malam. Ia berkata: Zaid bin Khalid selalu menyaksikan (menghadiri) solat-solat di masjid sedangkan suginya di atas telinga seperti tempat pena dari telinga penulis (kalau di Indonesia biasanya tukang kayu meletakkan pensil di atas telinga: pent.) dimana ia tidak berdiri untuk solat kecuali ia bersugi kemudian ia mengembalikannya ke tempatnya.

Abu Isa berkata: Ini adalah hadith hasan sohih.⁵

4.4 Kitab Sunan An-Nasa'i

Dari Aisyah, dari Rasulullah s.a.w, beliau bersabda:

عَنْ عَائِشَةَ ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : السَّوَاكُ مَطْهَرَةٌ لِلْفَمِ مَرْضَاةٌ لِلرَّبِّ .

Siwak adalah untuk membersihkan mulut dan mendapat redha Allah.⁶

4.5 Kitab Sunan Abu Daud

Dari Aisyah r.a bahawasanya:

عائشة رضي الله عنها قالت : أن النبي صلى الله عليه وسلم كان لا يرقُد من ليل ولا نهار فيستيقظ إلا تسوُّك قبل أن يتوضأ.

Maksudnya. Rasulullah s.a.w biasanya tidak tidur, baik pada malam hari atau siang hari, melainkan beliau s.a.w bersugi sebelum berwudhuk.⁷

4.6 Kitab Sunan Ibnu Majah

Dari Ibnu Abbas, dia berkata:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي بِاللَّيْلِ رَكَعَتَيْنِ رَكَعَتَيْنِ ثُمَّ يَنْصَرِفُ فَيَسْتَاكُ.

Maksudnya: Rasulullah s.a.w mengerjakan solat malam dua rakaat-dua rakaat. Kemudian (setelah) selesai, beliau bersiwak.⁸

⁵ Al-Tirmizi. 1975. *Sunan al-Tirmizi*. Cetakan Kedua. Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi. No. Hadith 23.

⁶ Al-Nasa'i. 1986. *Sunan al-Nasa'i*. Cetakan Kedua. Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah. No. Hadith 5.

⁷ *Ibid*. No Hadith 57.

⁸ Ibn Majah. 2009. *Sunan Ibnu Majah*. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah. No Hadith 288.

5.0 SOROTAN TERHADAP HADIS BERSIWAK

Dalam bahagian ini, penulis cuba untuk mengupas serta merumuskan maksud bagi hadis-hadis sepertimana dinyatakan di atas.

5.1 Sorotan Hadis Dari Kitab Sahih al-Bukhari

Berdasarkan hadis dalam kitab Sohih al-Bukhari, dapat dirumuskan bahawa Rasulullah s.a.w tidak pernah lepas dari sugi, ketika beliau bangun dari tidur, berjaga malam, setiap kali sebelum bersembahyang, ketika hendak membaca Al-Quran, ketika mengambil wudhuk dan dalam banyak hal dan peristiwa lagi. Beliau juga menggalakkan kita umat Islam supaya selalu menggunakan sugi, mudah-mudahan kita dapat mengambil contoh daripada baginda s.a.w.

Berkata Ibnu Daqiq Hadis ini menganjurkan memakai sugi ketika bangun dari tidur, kerana tidur itu akan menyebabkan berubahnya bau mulut disebabkan wap yang naik dari tali perut, sedangkan sugi itu suatu alat yang dapat membersihkan bau mulut bila perlu, khususnya ketika dia bangun malam untuk bertahajjud,⁹

5.2 Sorotan Hadis Dari Kitab Sahih Muslim

Manakala menurut hadis dalam kitab Sohih Muslim, dapat dirumuskan bahawa Nabi s.a.w itu sangat menitik beratkan umatnya agar menjadikan amalan bersugi ini sebahagian daripada amalan setiap hari. Ini dibuktikan dengan lafaz “kalau tidaklah kerana memberatkan umatku, nescaya ku suruh mereka membersihkan gigi tiap-tiap kali mendirikan solat”, yang membawa maksud betapa Rasulullah itu amat mengambil berat dengan amalan ini. Para ulama telah bersepakat bahawa hukum bagi amalan bersugi ini adalah sunat muakkad berdasarkan hadith ini.¹⁰

5.3 Sorotan Dari Hadis Kitab Sunan al-Tirmizi

Menurut riwayat al-Tirmizi ini, hadith yang disebutkan adalah sama seperti yang terdapat dalam kitab sohih Muslim yang menjurus kepada hukum bersugi itu. Namun terdapat sedikit perbezaan pada hadith ini, yang mana terdapat peristiwa yang berlaku pada seorang sahabat iaitu Zaid bin Khalid yang mana pada setiap kali beliau menghadiri solat di masjid kelihatan suginya di atas telinganya seperti kelihatan seorang penulis yang meletakkan pen di telinga, di mana beliau tidak berdiri untuk mengerjakan solat melainkan setelah beliau bersugi kemudian ia mengembalikannya ke tempatnya. Perbuatan sahabat ini menambah kekuatan lagi terhadap sabda Nabi s.a.w yang mahukan umatnya mengambil berat terhadap bersugi khususnya pada saat hendak mengerjakan solat berdasarkan hadith ini.

Selain itu, perintah bersugi pada saat hendak mengerjakan solat ini juga dapat dikaitkan dengan peristiwa berdasarkan hadith dari Abdullah bin Abdullah bin Umar r.a, dia berkata, “ bahawasanya Rasulullah s.a.w diperintahkan agar berwudhuk untuk setiap solat, baik baginda s.a.w masih punya wudhuk atau tidak. Namun ketika hal itu terasa memberatkan, maka baginda s.a.w diperintahkan

⁹ Syed Ahmed Semait. *Op. cit.* Hlm 364.

¹⁰ Hasan bin Ahmad Hasan Humam. *Op. cit.* Hlm 31.

supaya bersikat gigi setiap kali akan mengerjakan solat sahaja. Dan kerana Ibnu Umar merasa yakin bahawa beliau mampu melaksanakannya, maka beliau tidak suka meninggalkan wudhuk untuk setiap kali hendak mengerjakan solat”.¹¹

5.4 Sorotan Dari Hadis Kitab Sunan An-Nasa’i

Menurut hadith kitab Sunan An-Nasa’i ini menunjukkan kepada kita akan kelebihan bersugi yang bukan sahaja memberikan kebaikan pada kesihatan bahkan ia juga menjanjikan redha daripada Allah s.w.t. Jelasnya dengan bersugi itu memberikan seribu satu kebaikan kepada sesiapa yang mengamalkannya.

Maksud hadith “aku sering menganjurkan kalian dalam bersiwak” membawa kepada makna perkataan Rasulullah s.a.w yang sering menyampaikan perintah dan anjuran untuk bersugi kepada para sahabat.¹² Namun demikian, anjuran baginda ini juga boleh disandarkan kepada kita sebagai umatnya agar menjadikan amalan bersugi ini sebagai amalan seharian kita.

5.5 Sorotan Dari Hadis Kitab Sunan Abu Daud

Dalam hadith ini, dapat dirumuskan bahawa setelah Rasulullah s.a.w itu bangun dari tidur perkara pertama yang dilakukan baginda adalah bersugi. Ini dibuktikan berdasarkan hadith yang disebutkan dalam kitab ini yang mana pada kebiasaannya Aisyah r.a akan menyediakan bekas yang berisi air untuk Rasulullah s.a.w gunakan untuk berwudhuk pada waktu malam setelah baginda bangun daripada tidur. Peristiwa yang sama juga ada diriwayatkan oleh Aisyah r.a yang bermaksud: “Aku menyediakan untuk Rasulullah s.a.w tiga benjana yang penuh; satu benjana untuk beliau bersuci, satu untuk bersiwak dan satu lagi untuk minum”.

Selain itu juga, kekerapan baginda s.a.w itu dapat dilihat daripada mafhum hadith baginda s.a.w dalam kitab ini yang mana baginda bukan sahaja mengamalkan sewaktu tidur pada malam hari tetapi juga pada saat bangun daripada tidur pada siang hari. Pernyataan ini tidak dapat lagi disangkal berdasarkan peristiwa-peristiwa yang dinyatakan berdasarkan hadith sebelum ini. Oleh itu, tidak hairanlah kalau baginda Nabi s.a.w sangat menganjurkan umatnya untuk bersugi.

5.6 Sorotan Dari Hadis Kitab Sunan Ibnu Majah

Menurut hadith kitab Sunan Ibnu Majah ini pula, adalah bertujuan untuk menerangkan berkenaan dengan waktu Rasulullah s.a.w bersugi iaitu antaranya pada saat hendak mengerjakan solat pada waktu malam yang mana baginda memisahkan antara setiap dua rakaat solatnya dengan bersugi. Justeru ingin menunjukkan betapa kerapnya baginda Nabi s.a.w mengamalkan amalan bersugi pada saat baginda ingin mengerjakan solat. Adapun peristiwa seperti ini berlaku seperti dalam daripada Abu Wa’il daripada Hudzaifah r.a, dia berkata: “Adalah Nabi s.a.w apabila bangun dari tidur di waktu malam beliau terus menggosok mulutnya dengan siwak”.

¹¹ Muhammad Nashiruddin Al Albani. *Op. cit.* Hlm 17.

¹² Hasan bin Ahmad Hasan Humam. *Op. cit.* Hlm 19.

Selain itu juga, dapat difahami bahawa waktu bersugi itu juga digalakkan pada saat hendak memulakan membaca Al-Quran seperti mafhum hadith dalam kitab Ibnu Majah ini. Membaca Al-Quran itu merupakan ibadah, di samping itu disertakan pula amalan bersugi sebelum membacanya maka berlipat gandalah ganjaran bagi seseorang itu.

6.0 BERSIWAK SATU SOROTAN SAINTIFIK

Islam memberikan perhatian yang sama terhadap roh dan jasad, tanpa mengutamakan satu aspek di atas yang lain, sehingga pengubatan yang diusungnya begitu integral (sempurna) dan benar-benar remedial (menyembuhkan). Dengan terapi pengubatan yang diusung Islam ini, seorang Muslim dapat hidup dalam kehidupan yang disokong keseimbangan antara roh dan jasadnya. Dalam tulisan ini kami tidak perlu memberikan contoh berlebih tentang hal itu, tetapi kami akan mengupas satu aspek penting yang paling diperhatikan Islam dibandingkan aspek-aspek yang lain, iaitu kesihatan mulut, sebagaimana dalam hadith-hadith Nabi s.a.w yang telah dipaparkan sebelum ini.

Namun, sebelumnya kami akan memberikan paparan singkat tentang pengetahuan-pengetahuan moden yang telah dicapai oleh perubatan gigi, kemudian akan kami hubungkan teori-teori moden ini dengan hadis-hadis Nabi s.a.w.

Mulut merupakan pintu masuk yang paling utama dan vital bagi seluruh organ tubuh bahagian dalam. Apabila mulut menderita hal buruk, maka dipastikan akan menjalar pada sistem-sistem yang ada dalam tubuh ini, baik sistem pernafasan bahagian atas, paru-paru, ataupun sistem pencernaan. Lebih dari itu, sistem saraf yang berhubungan dengan gigi dan daerah wajah memainkan peranan yang besar pada manusia. Sebab, sistem saraf ini paling dekat dengan sistem saraf pusat yang paling utama, iaitu otak. Kerananya, rasa sakit yang ditimbulkannya pun tidak tertahankan. Berangkat dari hal ini, terlihat betapa besar perhatian Rasulullah s.a.w terhadap kebersihan mulut.

Gigi selalu dilumuri air liur dan setiap gigi yang sihat dibungkus satu lapisan air liur yang nipis, dan lapisan ini selalu melekat pada gigi. Untuk itu, apabila cairan liur ini kotor, maka gigi-gigi ini akan dipenuhi kapur dan kotoran yang mengandungi kuman. Lapisan ini akan selalu terbentuk dalam jangka waktu kurang dari satu jam, walaupun setelah proses pencemerlangan gigi. Ketebalan lapisan ini tidak lebih dari satu mikron (seribu milliliter). Pada saat lapisan nipis ini terbentuk, kuman-kuman yang ada dalam mulut mulai menempati kedudukan asalnya dan mulai melekat pada gigi-gigi.

Jika zat lunak ini tidak rutin dibersihkan dengan baik selama kurun waktu 24 jam, maka pengaruhnya akan terlihat jelas pada gigi. Banyak endapan lunak yang ada ketika gusi berhubungan dengan gigi yang paling atas. Dalam beberapa percubaan yang dilakukan pada haiwan, para ilmuwan menemukan bahawa pemendapan zat lunak ini tidak berpengaruh secara mutlak pada perjalanan makanan di mulut-mulut haiwan yang makan tanpa dikunyah. Untuk itu, terbukti bahawa mengunyah makanan berserabut tidak mencegah pembentukan endapan-endapan

lunak ini. Sampai sekarang, para ilmuwan belum mampu mengetahui bagaimana endapan-endapan ini sebagai sarangnya. Pada saat itulah kuman-kuman ini mulai merusakkan gigi.

Kuman-kuman yang melekat pada permukaan gigi biasa disebut dengan kerak gigi. Para ilmuwan moden menuding kerak gigi ini sebagai faktor utama kerapuhan gigi dan penyakit gusi yang menyerang jaringan-jaringan tubuh yang melingkupi gigi.

Penelitian-penelitian moden telah membuktikan bahawa kuman-kuman yang bersarang pada kerak gigi dapat merubah bentuk dan kandungannya pada darah. Perubahan itu juga terjadi pada cara-cara melekat di permukaan gigi sehingga keganasan dan pengaruhnya semakin meningkat dan berpusat pada jaringan lunak (gusi) dan jaringan keras (gigi).

Tingkat pembentukan kerak-kerak ini akan berkurang akibat pengaruh dan menu zat makanan yang dimakan. Hal ini juga terjadi pada unsur-unsur kimiawi dan fizik air liur manusia. Para ilmuwan telah berjaya mengetahui penyebab hal itu ketika mereka meminta kepada para penderita penyakit gusi untuk tidak menggunakan sikat gigi selama tiga minggu. Hasil yang diperoleh menyebutkan bahawa peyebab langsung infeksi gusi dan kerapuhan gigi adalah tumpukan kuman yang menjadi kerak gigi. Sebab, dalam percubaan itu terbukti adanya hubungan antara keberadaan kuman dengan penyakit mulut dan gigi.

Terkait dengan hubungan zat makanan dan pembentukan tumpukan kuman, sejumlah penelitian membuktikan bahawa zat-zat gula turut berperan dalam pembentukan lapisan ini kerana kuman-kuman ini memakannya. Tambahan, zat gula juga membantu kecepatan dan kekuatan kuman menggantung pada permukaan gigi.

Zat-zat beracun yang dikeluarkan kuman-kuman ini juga mengatur perjalanan enzim yang diperlukan selama proses asimilasi dan pengembang biakan kuman di kerak gigi. Perlu kami sampaikan di sini bahawa unsur-unsur ini saling bergantung antara satu sama lain, sehingga apabila ada salah satu yang mengalami gangguan, maka yang lain pun akan mengalami gangguan pula.

Perlu dicatat, setiap kali ketebalan kerak gigi meningkat, maka pembentukan nutriennya juga semakin meningkat sehingga daya tahannya pun akan semakin meningkat ketika dibersihkan dengan mana-mana alat pembersih apa pun, berus gigi misalnya.

Kita seharusnya mengamalkan pengetahuan ini kerana Rasulullah s.a.w telah menganjurkan manusia untuk memerhatikan kebersihan mulutnya. Anjuran tersebut terdapat misalnya dalam sabda beliau s.a.w.:

تَسَوَّكُوا فَإِنَّ السَّوَّاءَ مَطْهَرَةٌ لِلْفَمِ مَرْضَاةٌ لِلرَّبِّ.¹³

Maksudnya: Bersugilah kerana sugi adalah untuk membersihkan mulut dan mendapat redha Allah. (HR. Ibnu Majah)

¹³ Ibn Majah. 2009. *Sunan Ibnu Majah*. Beirut: Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah. No Hadith. No Hadith 289.

Dalam hadits lain yang diriwayatkan al-Bukhari dan Muslim: Bersabda Rasulullah s.a.w :

«لَوْلَا أَنْ أَشَقَّ عَلَى أُمَّتِي لِأَمْرَتُهُمْ بِالسَّوَاكِ مَعَ كُلِّ صَلَاةٍ».¹⁴

Maksudnya: Seandainya tidak kerana aku menyulitkan umatku nescaya aku memerintahkan mereka untuk bersugi pada setiap solat.

Fakta kebersihan gigi yang dinyatakan Rasulullah s.a.w dalam hadits di atas semakin nyata ketika kita lihat bahawa pemakai sugi secara berterusan memiliki keadaan kesihatan dan gigi yang kuat, kerana giginya selalu dibersihkan berulang kali dengan menggunakan sugi, sedikitnya lima kali dalam sehari (sebelum melaksanakan solat).

Dalam paparan ini terlihat jelas visi Rasulullah s.a.w yang sangat tepat dan detil, kerana telah terbukti secara nyata bahawa penumpukan kuman pada gigi akan langsung terjadi setelah gigi selesai dibersihkan. Inilah yang membuat Rasulullah s.a.w menganjurkan umatnya untuk membersihkan endapan-endapan ini yang hanya akan hilang jika digosok dengan benar. Rasulullah s.a.w bersabda:

أمرت بالسواك حتى خشيت أن أدرد.¹⁵

Maksudnya: Saya diperintahkan untuk bersugi, sampai-sampai saya khawatir menjadi ompong. Yakni, giginya tanggal. (HR. al-Bazar dari Anas).

Dalam riwayat yang lain disebutkan:

أُمرْتُ بِالسَّوَاكِ حَتَّى خَشِيتُ أَنْ يُكْتَبَ عَلَيَّ.¹⁶

Maksudnya: Saya diperintahkan untuk bersugi, hingga saya khawatir kalau bersugi itu diwajibkan kepada saya. (HR. Ahmad dari Wathilah dengan kedudukan hasan).

Sebagaimana yang telah kami jelaskan di atas, setiap kali air liur itu berhenti, maka kerak gigi yang mengundang kuman-kuman bersarang, menjadi semakin tebal. Kerana Rasulullah s.a.w menjadikan kebiasaan menghilangkan benda-benda yang melekat di permukaan gigi ini sebagai kebiasaan, hingga di tengah malam sekalipun. Disebutkan dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim:

عَنْ حُدَيْفَةَ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَامَ مِنَ اللَّيْلِ يَشُوصُ فَاهُ بِالسَّوَاكِ.¹⁷

Maksudnya: Adalah Nabi s.a.w apabila bangun dari tidur di waktu malam beliau terus menggosok mulutnya dengan sugi.

Tidak hanya itu, setiap kali masuk ke rumah (dari bepergian), beliau membuka aktiviti di rumah dengan bersugi. Diriwayatkan oleh Muslim dalam sohihnya dari Syuraih, ia berkata:

سَأَلْتُ عَائِشَةَ قُلْتُ: بِأَيِّ شَيْءٍ كَانَ يَبْدَأُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ بَيْتَهُ؟ قَالَتْ: بِالسَّوَاكِ.¹⁸

¹⁴ Al-Bukhari. 1422H. *Sahih al-Bukhari*. Cetakan Pertama. Dar Tuq al-Najah. No Hadith 887; & Muslim bin al-Hajjaj. t.t.. *Sahih Muslim*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. No Hadith 252.

¹⁵ Imam al-Bazar. Dalam Musnadnya Dalam Bab *Musnad Abi Hamzah Anas Bin Malik*. No Hadith 6952.

¹⁶ Imam Ahmad. Dalam Musnadnya Bab *Juzuk Dua Puluh Lima*. No Hadith 16007.

¹⁷ Muhammad Bin Ismail al-Bukhari. 1422H. *Sahih al-Bukhari*. Cetakan Pertama. Dar Tuq al-Najah. No. Hadith 245.

¹⁸ Muslim Bin al-Hajjaj. Dalam Sohihnya Dalam Bab *Sugi*. No Hadith 371.

Maksudnya: Saya pernah bertanya kepada Aisyah r.a, “ Apakah yang pertama kali dilakukan oleh Rasulullah s.a.w ketika masuk rumah?” Aisyah r.a menjawab, “ Beliau bersugi”.

Begitulah. Rasulullah s.a.w telah menggunakan dan memerintahkan penggunaan sugi pada umatnya jauh sebelum ilmu pengetahuan belum mengetahui dan menyadari pentingnya kebersihan mulut dan gigi. Dengan demikian, tidak diragukan lagi bahawa beliau adalah orang yang pertama kali memerintahkan manusia untuk memperhatikan kebersihan mulut dan menjaga kesihatan gigi.

Berdasarkan analisis kimiawi, batang sugi mengandungi zat-zat sebagai berikut:

1. Zat fiber yang kemungkinan adalah salvarorine;
2. Traemisil amino;
3. Chloride, fluoride, dan silicone dengan kadar tinggi;
4. Sulfur;
5. Vitamin C;
6. Sedikit kandungan zat sabunine, tanine, dan phlafounide; dan
7. Zat cytocerol yang cukup tinggi.

Dengan melihat sekilas unsur-unsur kimia yang terkandung di dalam kayu sugi, maka dapat kita ketahui hal-hal sebagai berikut:

1. Sugi terbukti secara medikal memiliki daya pengaruh yang kuat untuk menghentikan pertumbuhan bakteria di dalam mulut. Hal itu disebabkan adanya zat sulfur yang terkandung di dalam setiap batang sugi.
2. Zat traemisil amino dapat menurunkan basis edrogen yang merupakan faktor terpenting penyebab perkembang-biakan kuman didalam mulut. Dengan demikian, peluang tumbuh kembang kuman pun menjadi berkurang.
3. Sugi mengandungi vitamin C dan zat sytoserol. Kedua kandungan ini sangat diperlukan dalam memperkuat pembuluh darah yang menyalurkan darah ke gusi. Dengan demikian, darah dapat mencapai gusi dengan jumlah memadai, di samping pentingnya vitamin C dalam menjaga gusi dari alse.
4. Sugi mengandungi zat resinous yang berfungsi menguatkan gusi.
5. Sugi mengandungi zat chloride dan silicon sebagai zat yang dikenali dapat memutihkan gigi.

Menurut kami, sebaiknya kita mengkaji tema ini secara ilmiah dan menandingkannya dengan produk-produk ubat gigi biasa yang beredar di pasaran.

Kajian pernah dilakukan terhadap lapan puluh orang (80) yang terbahagi menjadi empat kelompok. Dari keempat kelompok ini, setiap dua puluh orang (20) memakai sugi alami, sugi yang sudah diolah (menjadi ubat gigi sugi), produk ubat gigi biasa (non-sugi), dan bahan pohon kering (non-sugi). Penelitian ini diarahkan untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan berikut:

1. Apakah sugi dapat menggantikan sikat gigi dan ubat gigi, walaupun berbentuk lurus sehingga tidak dapat menjangkau tempat-tempat tertentu di dalam mulut, seperti permukaan gigi bahagian dalam?
2. Ketika sugi diolah layaknya ubat gigi yang halus dan digunakan dengan berus gigi, apakah kedua alat ini dapat menghilangkan kerak gigi seperti ubat gigi dan sikat gigi buatan kilang?
3. Sejauh mana tingkat kemampuan sugi yang masih berbentuk batangan dan sugi yang sudah ditumbuk sebagai bahan pembersih gigi apabila dibandingkan dengan pemberus gigi buatan kilang, sama ada yang lunak mahupun yang keras?
4. Apa sahaja yang terkandung dalam sugi asli yang dapat digunakan setelah kandungan kimianya dikeluarkan terus-menerus bagi menentukan manakah kandungan yang paling baik untuk membersihkan gigi dari sekian banyak kandungan kimia yang ada?

Setelah melalui uji klinik diperoleh kesimpulan-kesimpulan sebagai berikut:

1. Ajaran Islam dan arahan Rasulullah s.a.w untuk menggunakan sugi benar-benar dapat menyamai pelayanan perubatan gigi moden. Yakni, menghilangkan timbunan kerak yang mengandungi kuman sebelum kuman-kuman ini matang dan bertambah ganas menyerang jaringan-jaringan lunak (gusi) dan jaringan-jaringan keras (gigi).
2. Bersugi secara rutin setiap hari sebelum solat secara berulang-ulang seperti yang ada dalam ajaran-ajaran Rasulullah s.a.w dapat membuat gigi jauh lebih bersih;
3. Kandungan zat semula jadi sugi memberikan keselesaan gigi bagi seorang Muslim yang secara rutin menggunakan sugi sejak masa kecil. Kandungan silicone-nya membuat gigi berserta lapisannya semakin kukuh. Kandungan fluorine-nya memperkuat dan menyihatkan gusi. Kandungan tanine dan vitamin C-nya menguatkan pembuluh darah yang menuju gusi, dan kandungan sulfur-nya bekerja khusus membersihkan mulut;
4. Penelitian ini menunjukkan bahawa mulut orang-orang yang menggunakan sugi yang sudah dihaluskan mencapai tingkat kebersihan yang cukup tinggi dan jarang terserang sakit gusi dibandingkan dengan ubat gigi buatan dan batang pohon kering (bukan sugi) yang digunakan dua kelompok yang lain;
5. Infeksi gusi pada dua kelompok yang menggunakan sugi dan sugi yang sudah dihaluskan, yang tercatat sebelum penelitian ini dilakukan beransur-ansur membaik daripada dua kelompok yang menggunakan ubat gigi pasaran dan batang pohon kering (selain sugi);

6. Sebagai kesimpulan penelitian ini, dianjurkan penggunaan sugi ketika Negara-negara Islam telah mulai melakukan penelitian-penelitian perlindungan kesihatan mulut dan gigi. Terlebih lagi, sugi kayu sugi banyak ditemukan di Negara-negara ini dan harganya murah. Kita patut bersyukur kerana seorang Muslim telah terbiasa menggunakan sugi ini sebagai bahagian dari ajaran agamanya yang lurus.

Sehingga tahun 2014, terdapat banyak maklumat berkenaan sugi yang diperolehi menerusi hasil kajian-kajian saintifik dalam pelbagai bentuk seperti soalan kaji selidik, makmal dan klinikal. Rata-rata kajian ini membuktikan keupayaan bersugi dalam mengekalkan kesihatan gigi dan mulut. Dari huraian di atas, jelas bahawa sugi memiliki manfaat-manfaat kesihatan yang melebihi alat dan ubat-ubatan moden yang digunakan untuk membersihkan gigi. Dan, orang yang pertama kali mengajarkan penggunaannya adalah Nabi Muhammad s.a.w yang hidup pada abad ke-7 masihi, atau empat belas abad silam.¹⁹

6.0 PENUTUP

Amalan bersugi merupakan satu tabiat manusia sejak turun temurun lagi, dan ia telah menjadi suatu budaya yang kian lama diterima sebagai suatu yang tidak boleh dipisahkan daripada keseluruhan hidup manusia baik yang kanak-kanak, remaja mahupun dewasa. Namun tidak dinafikan juga terdapat segelintir masyarakat yang kurang peka terhadap kepentingan bersugi ini, mungkin kerana kurangnya kesedaran terhadap kepentingannya serta kurangnya pendedahan terhadap kesan dan bahaya meninggalkan amalan bersugi ini.

Sepertimana yang kita ketahui bersugi lebih banyak mendatangkan kebaikan berbanding keburukan, malahan menurut penulis sukar didapati keburukan menerusi amalan bersugi ini berdasarkan kajian yang telah dijalankan. Bahan-bahan yang terkandung dalamnya mempunyai zat-zat yang berfungsi membantu menjaga kesihatan gigi manusia. Disamping itu, ia sangat berfungsi menjaga diri seseorang itu daripada dijangkiti kuman yang boleh membawa kepada penyakit. Ini kerana kebiasannya seseorang itu akan menggunakan mulutnya untuk makan dan juga minum pada setiap hari, oleh yang demikian mulut merupakan destinasi pertama sebelum makanan itu disalurkan kepada organ dalaman yang lain. Sekiranya mulut seseorang itu mempunyai masalah maka ia juga turut menyumbang masalah pada organ yang lain. Oleh itu, penjagaan yang rapi terhadap mulut juga perlu diambil berat bagi memastikan kesihatan seseorang itu terus terjamin, yang mana seperti yang sedia maklum bahawa organ mulut itu terdiri daripada gigi itu sendiri.

Agama Islam yang mulia sangat menitik beratkan terhadap amalan bersugi ini. Ini dapat dibuktikan berdasarkan hasil kajian ini yang menunjukkan bahawa penggunaan sugi itu sudah bermula pada zaman Rasulullah s.a.w lagi. Dan jelas kewujudan penggunaan sugi pada hari ini adalah berdasarkan amalan orang yang terdahulu sebelum masyarakat pada hari ini.

¹⁹ Yusuf Al-Haji Ahmad. 2010. *Sains Moden Menurut Perspektif Al-Quran Dan As-Sunnah*. Cetakan Pertama. 15 Jil. Dataran, Taman Kempas, Johor Bahru. Perniagaan Jahabersa. Hlm 126-133.

Tambahan pula, amalan ini merupakan amalan junjungan mulia baginda s.a.w sendiri. Sebagai yang kita sedia maklum bahawa Nabi itu merupakan utusan yang mulia yang suci daripada dosa, oleh itu sudah pasti baginda s.a.w tidak akan melaksanakan dan mengerjakan amalan ini sekiranya amalan ini tidak membawa kebaikan ataupun sebaliknya. Dan buktinya dapat dilihat berdasarkan hadith-hadith baginda yang menunjukkan kelebihan serta manfaat bersugi itu seperti yang dijelaskan penulis dalam bab sebelum ini. Bahkan baginda sangat mengambil berat terhadap amalan ini pada setiap waktu khususnya pada saat bangun tidur pada waktu malam untuk melaksanakan ibadat, sebelum mengerjakan solat, sebelum membaca Al-Quran, saat berubahnya bau mulut dan selainnya.

Oleh yang demikian, baginda s.a.w sangat menganjurkan umatnya untuk mengerjakan amalan ini di dalam kehidupan seharian agar sentiasa mendapat rahmat dan redha Allah s.w.t di samping dapat menjaga kesihatan diri. Sesungguhnya Al-Quran dan As-sunnah yang wujud hingga ke hari ini adalah suatu bukti jelas bahawa Rasulullah s.a.w adalah orang yang paling layak dijadikan contoh ikutan dan juga merupakan suri teladan yang terbaik bagi orang mukmin khususnya dan kepada semua lapisan masyarakat keseluruhannya.

Manakala menurut para doktor pula, setelah dibuat kajian dan pemerhatian telah terbukti bahawa kandungan zat yang terdapat di dalam akar pokok Arak memberikan kekuatan semulajadi kepada gigi untuk melawan gangguan dan kerapuhan gigi. Zat-zat tersebut adalah seperti Zat Garam, Bahan Penghasil Wangi, Zat Pembius serta zat-zat lain seperti Ammonia, dan zat Asam. Selain itu juga, setelah para pakar perubatan menjalankan pemerhatian terhadap fungsi dari sekian banyak zat-zat ini didapati ia berfungsi sebagai penahan darah, pemurni dan penguat, serta sebagai penahan darah dan pembusukan gigi dan pembunuh bakteria. Dan akhir sekali dapat dibuktikan dengan jelas bahawa sugi adalah sikat gigi semulajadi yang sangat ideal, di mana terbukti di dalamnya sebagai ubat gigi ciptaan Allah s.w.t yang terhasil daripada bahan penyuci dan pembersih yang jauh lebih baik daripada pasta gigi biasa.

Oleh yang demikian, penulis mengharapkan kajian ini dapat dijadikan panduan berguna kepada generasi kini dan akan datang semoga kita dapat memperbaiki diri. Kerjasama dari semua pihak amat perlu untuk menangani permasalahan ini terutamanya dalam isu penggunaan sugi dalam kehidupan masyarakat itu sendiri yang seharusnya mempunyai pegangan yang berlandaskan Al-Quran dan As-sunnah. Oleh yang demikian, kita hendaklah mengikut jalan yang telah pun ditetapkan oleh Allah s.w.t agar kita sentiasa beroleh rahmat dan keredhaannya.

RUJUKAN

- Abdullah Bin Muhammad Basmih. 2001. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*. Kuala Lumpur. Darul Fikir Hasan bin Ahmad Hasan Humam. 2009. *Berubat Dengan Sugi*. Cetakan pertama. Kuala Lumpur. Al-Hidayah Publication.
- Syed Ahmed Semait. 2006. *Shahih Bukhari*. Cetakan Pertama. Singapura. Pustaka Nasional Pte Ltd.
- H.A Razak dan H. Rais Lathief. 1978. *Terjemahan Hadis Shahih Muslim*. Cetakan Ketiga. Jakarta. Pustaka Al-Husna.
- Drs. H. Moh. Zuhri. Dipl. Tafl. 1993. *Tarjamah Sunan At-Tirmidzi*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur. Victory Agencie.

- Ahmad Yoswaji. 2004. *Shahih Sunan An-Nasa'i*. Cetakan Pertama. Jl. Kamp. Melayu Kecil. Pustaka Azzam.
- Muhammad Nashiruddin Al Albani. 2005. *Shahih Sunan Ibnu Majah*. Cetakan Pertama. Jl. Kamp. Melayu Kecil. Pustaka Azzam.
- Muhammad Nashiruddin Al Albani. 2005. *Shahih Sunan Abu Daud*. Cetakan Pertama. Jl. Kamp. Melayu Kecil. Pustaka Azzam.
- Syeikh Musthafa Muhammad Imarah. 2002. *Saripati Hadits Al-Bukhari*. Cetakan Pertama. Jl. Kebon Nanas Utara, Jakarta Timur. Pustaka Al-Kautsar.
- Al-Imam Zainuddin Ahmad Bin Abdul Lathif Az-Zabidi. 2004. *Ringkasan Shahih Al-Bukhari*. Cetakan Kesebelas. Jln. Yodkali No. 16, Bandung. Mizan Pustaka.
- Al Imam Al Hafizh Ibnu Hajar Al-Asqalani. 2007. *Fathul Baari Syarah Shahih Al-Bukhari*. Cetakan Kelima. Jl. Kampung Melayu Kecil. Pustaka Azzam.
- Drs. Aliy As'ad. 1979. *Terjemah Fat-Hul Mu'in*. Cetakan Ketiga. Seri Penyambutan Abad. Menara Kudus.
- Muhammad Idris Al-Marbawi. 2009. *Bahru Al-Madzi Syarah Mukhtasar Shahih At-Tarmidzi*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur. Al-Hidayah.
- Al Imam Muhammad Asy Syaukani. 2000. *Nailul Authar*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur. Jasmin Enterprise.
- Yusuf Al-Haji Ahmad. 2010. *Sains Moden Menurut Perspektif Al-Quran Dan As-Sunnah*. Cetakan Pertama. 15 Jl. Dataran, Taman Kempas, Johor Bahru. Perniagaan Jahabersa.
- Al-Ustaz Al-Haji Abdul Halim Al-Hadi. 2006. *Tajzibu Athraf Al-Hadith*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur. Al-Hidayah.
- Al Imam Muhammad Asy Syaukani. 1994. *Nailul Authar*. Cetakan Pertama. Jl. Puri Anjasmoro, Semarang. CV. Asy Syifa' Semarang.

KAMUS

- Zainal Abidin Safarwan. 1995. *Kamus Dewan Bahasa Utusan*. Kuala Lumpur. Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Hassan Hamzah. 1997. *Kamus Melayu Global*. Catatan Kedua. Kuala Lumpur: Pyramid Pendana (M) Sdn.Bhd.
- Noresah Binti Baharom. 1994. *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Safarwan. 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Disterbutors Sdn. Bhd.